

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN NO. 404

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah hasil kajian terhadap cadangan untuk mengharamkan pembinaan infrastruktur teknologi generasi kelima (5G) oleh Huawei di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Teknologi 5G merupakan evolusi teknologi komunikasi mudah alih terkini yang mampu meningkatkan kelajuan akses jalur lebar sehingga 20 Gbps atau 10 kali ganda kelajuan lebih tinggi berbanding 4G, kebolehpercayaan penyambungan yang lebih baik pada kadar *latency* yang rendah dan penyambungan mesin-ke-mesin (M2M) atau sensor untuk aplikasi *Internet of Things* (IoT) yang lebih meluas.

2. Teknologi 5G ini dilihat boleh menyokong visi ekonomi digital negara. Negara-negara seperti India, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia telah mengumumkan inisiatif bagi memudahkan pelaksanaan 5G. Di Malaysia, antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - (i) menubuhkan Pasukan Petugas Khas 5G Negara pada 21 November 2018;
 - (ii) mengumumkan pelaksanaan Ujian Teknologi 5G (5G Test Bed) di Putrajaya dan Cyberjaya bermula dari 23 November 2018 hingga 31 Oktober 2019; dan
 - (iii) penganjuran pameran teknologi 5G di Putrajaya dari 18 hingga 21 April 2019.

3. Penubuhan Pasukan Petugas Khas 5G Negara adalah satu inisiatif libat urus Kerajaan untuk mencadangkan syor-syor serta strategi pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia. Antara yang akan dilaporkan adalah seperti berikut:
- (i) cadangan pelan ketersediaan sumber spektrum;
 - (ii) sokongan untuk infrastruktur, perkhidmatan-perkhidmatan dan peranti-peranti;
 - (iii) cadangan penyelesaian kekangan undang-undang dan kerangka kawal selia yang berkaitan; dan
 - (iv) langkah-langkah untuk perlindungan pengguna.
4. Keahlian Pasukan Petugas Khas 5G Negara terdiri daripada wakil pihak Kerajaan, pihak swasta, Kementerian/jabatan/agensi kerajaan dan ahli akademik.
5. Berdasarkan skop tugas yang telah dikenal pasti, empat kumpulan kerja telah ditubuhkan di bawah pasukan petugas khas ini. Sehingga 19 Jun 2019, Pasukan Petugas Khas 5G Negara dianggotai oleh wakil daripada 110 organisasi.
6. Pelaksanaan inisiatif 5G di Malaysia juga mengambil kira isu keselamatan. Melalui Pasukan Petugas Khas 5G Negara, Agensi Keselamatan Siber Negara (*National Cybersecurity Agency* atau NACSA) dengan kerjasama SKMM dan penyedia-penyedia rangkaian sedang mengenal pasti risiko keselamatan teknologi ini dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko keselamatan tersebut.

7. Selain dari Pasukan Petugas ini, pihak Kementerian melalui SKMM juga telah mengadakan Bengkel Pemantapan Rangka Kerja 5G bersama-sama kesemua kementerian lain serta pihak berkepentingan pada 27 Jun 2019, untuk mengenalpasti kekangan bagi kerangka kawal selia sedia ada serta mendapatkan idea dan aplikasi 5G yang relevan.

8. Pada bulan Oktober 2018, Kementerian telah mengumumkan bahawa Putrajaya dan Cyberjaya telah dipilih menjadi lokasi tapak untuk membuat pengujian teknologi 5G (*5G Test Bed*). Kedua-dua lokasi ini dipilih bagi menyediakan persekitaran yang praktikal untuk pelaksanaan 5G pada masa hadapan dan membantu dalam memberikan maklumbalas kepada perancangan dasar, peraturan serta penggunaan spektrum berkaitan teknologi 5G. Tempoh masa bagi pengujian ini adalah dari 23 November 2018 hingga 31 Oktober 2019. Pada 23 November 2018 juga, SKMM telah mengumumkan "*Call for Collaboration*" untuk ujian teknologi 5G dengan menjemput pihak-pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan masing-masing mengenai teknologi ini. Aktiviti ini adalah sebahagian daripada Pelan Pengujian Teknologi 5G Malaysia.

9. Untuk memberi dan meningkatkan kesedaran dan pemahaman kepada orang ramai, SKMM dan Perbadanan Putrajaya serta pihak industri telah menganjurkan Pameran 5G Malaysia pada 18 - 21 April 2019 dan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Putrajaya.

10. Pameran yang bertemakan *5G Malaysia: Progressing Humanity* ini melibatkan 12 rakan kongsi pameran.
11. Selain dari pameran itu, SKMM turut menganjurkan program *Digital Outlook Series* yang berlangsung pada 19 dan 20 April 2019 yang akan menyediakan ekosistem kami untuk 5G dan Pameran *myMaker Fair* yang menampilkan pelbagai aktiviti penting khususnya untuk generasi muda. Antaranya adalah seperti simulasi dron, pencetakan 3D, arena sukan bola keranjang robotik dan sistem pengesanan orang ramai (*crowd tracking*) menggunakan Internet Kebendaan (*Internet of Things*, atau IoT).
12. Pelancaran dan penganjuran Pameran 5G Malaysia ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran lebih daripada 10,000 pengunjung sepanjang tempoh empat hari pameran tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

13. Sebagai kesimpulan, teknologi 5G adalah penting bagi mempertingkatkan tahap persaingan negara menghadapi cabaran ekonomi digital. Malaysia adalah antara negara pertama yang membuka jalan bagi merancang pembangunan teknologi 5G melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas 5G Negara pada November 2018 yang lepas. Kejayaan syarikat-syarikat Malaysia di dalam Pameran Teknologi 5G di Putrajaya pada bulan April lepas membuktikan bahawa kita mempunyai kepakaran dan boleh menjayakan pelaksanaan teknologi 5G ini. Pelbagai perbincangan,

NO SOALAN : 404

insiatif, gerak kerja dan sebagainya akan terus dirancarkan lagi bagi memastikan tahap kesiapsiagaan dapat dipertingkatkan bagi mempercepatkan pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia; dan secara tidak langsung mengubah lanskap industri ICT Malaysia terutamanya infrastruktur rangkaian telekomunikasi.